



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
SEMESTER 1, SESI AKADEMIK 2015/2016**

**KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN**

**Kod Kursus : SP 5308**

**Nama Kursus : Perbankan Islam dan Takaful**

**Peringkat Kursus : Diploma Perundangan Islam dan  
Guaman Syari'i**

**Masa : 3 jam**

**Nota:**

**Jawab empat (4) soalan sahaja. Soalan pertama adalah wajib.**

بسم الله الرحمن الرحيم

### **Soalan Pertama: (14 markah)**

1. Dalam kontrak jual beli polisi insuran, *gharar* boleh berlaku dalam situasi-situasi tertentu. Sila jelaskan secara terperinci. (5 markah)
  2. Sila jelaskan maksud konsep Al-Mudarabah dalam amalan Al-Takaful yang dipakai dalam perjanjian antara syarikat (pengendali) takaful dan peserta. (5 markah)
  3. Kontrak Al-Takaful dan Insurans memiliki aspek persamaan dan aspek perbezaan. Sila jelaskan secara terperinci aspek-aspek yang dimaksudkan dibawah ini mengikut kedua-dua kontrak tersebut.
    - a. Konsep penyertaan dan pembelian
    - b. Konsep Kerjasama (4 markah)

## Soalan Kedua: ( 12 markah)

Konsep *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) merupakan perjanjian jual beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli di mana pemilik barang menyerahkan barang tersebut kepada pembeli dengan serta-merta dan pembeli menangguhkan bayaran harga barang tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu.

- a. Nyatakan definisi *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) berserta dalil pensyariatannya dan contoh lafaz. (3 markah)
- b. Huraikan rukun *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) secara terperinci. (6 markah)
- c. Jelaskan perbezaan bentuk jualan di antara konsep *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) dengan *Bay al-Salam*. (3 markah)

## Soalan Ketiga: ( 12 markah)

1. Takaful dan insurans adalah satu instrumen kewangan yang mempunyai kepentingan kepada ekonomi. Kedua-dua instrumen ini juga sebagai alat untuk menangani risiko ketidakpastian terhadap kerugian ekonomi.

  - a. Jelaskan maksud "sebagai alat untuk menangani risiko ketidakpastian terhadap kerugian ekonomi" tersebut. (4 markah)

- b. Sila huraikan secara terperinci definisi takaful dan insurans. (2 markah)
2. Setiap sumbangan yang dicarumkan oleh peserta dalam takaful akan dibahagikan kepada dua akaun iaitu Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP).
- a. Jelaskan secara terperinci perbezaan perkongsian keuntungan antara amalan konsep-konsep dalam takaful dan insurans. (4 markah)
- b. Huraikan fungsi Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP) dalam amalan takaful. (2 markah)

#### **Soalan Keempat: ( 12 markah)**

1. *Bay' al-Salam* dan *Bay' al-Istisna'* merupakan dua konsep yang digunakan dalam transaksi pembiayaan hutang.
- a. Huraikan definisi *Bay' al-Salam* dan *Bay' al-Istisna'* menurut Bahasa dan Syara' berserta pembuktian kesahihan kedua-duanya. (4 markah)
- b. *Ijab* dan *Qabul* merupakan rukun dalam jual beli *Bay' al-Salam*. Jelaskan secara terperinci pendapat ulama mengenai akad ini. (3 markah)
2. Amalan insurans konvensional mengandungi unsur-unsur yang tidak selaras dengan Syariah kerana adanya unsur *gharar*, *maysir* (judi) dan *riba*. Bincangkan.

### Soalan Kelima: ( 12 markah)

1. Pembiayaan ekuiti dan hutang merupakan dua mekanisme yang berbeza dalam pelaksanaan kewangan Islam. Sila huraiakan maksud prinsip-prinsip di bawah ini berserta contoh.

- a. *Syarikah al-Milk* atau *al-Amlak*.
- b. *Al-Murabahah*.
- c. *Al-Ijarah*.
- d. *Al-Qard Al-Hasan*.

(4 markah)

2. Selesaikan kes-kes di bawah ini dengan huraian secara terperinci.

- a. Peserta meninggal dunia sebelum genap tempoh matang pelan takaful keluarga berdasarkan konsep *Al-Mudarabah* yang disertainya. (4 markah)
- b. Pelan tempoh keluarga berdasarkan konsep *Al-Mudarabah* yang disertai telah sampai tempoh matang. (4 markah)